



Ruj. Kami : PBS.HEP.600-1/9 JLD. 8 (56)  
Tarikh : 19 Disember 2024

**Semua Pelajar Senior Politeknik Banting Selangor**  
**(Tidak Termasuk Pelajar Latihan Industri)**

Saudara/Saudari,

**PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR SESI II: 2024/2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pendaftaran pelajar bagi Sesi II: 2024/2025 akan diadakan pada ketetapan berikut:


a) Pelajar yang mempunyai kursus berstatus C1, C2 atau masih belum mengambil kursus sesi sebelum perlu hadir pada ketetapan berikut:-

Program	DKM, DTP, DAM
Tarikh	10 Januari 2025 (Jumaat)
Masa	9.00 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat	Kafeteria Mas

b) Pelajar biasa (tiada ketinggalan kursus atau *carry module*) seperti ketetapan berikut:-

Program	DKM, DTP, DAM
Tarikh	12 Januari 2025 (Ahad)
Masa	9.00 pagi – 1.00 petang
Tempat	Kafeteria Mas

3. Segala maklumat berkaitan proses pendaftaran dan kadar bayaran yuran dimana saudara/ saudari diminta untuk merujuk kepada **Panduan Pendaftaran Pelajar Senior Sesi II: 2024/2025 yang telah dimuatnaik** di laman sesawang PBS seperti link berikut <https://pbs.mypolycc.edu.my/v1/index.php/pendaftaran>.



4. Bermula Sesi I: 2024/2025 semua pelajar **DIWAJIBKAN** menginap di Kolej Kediaman PBS mengikut surat arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi JPPKK.BGK.600-1/1/1JLD4(9) bertarikh 8 April 2024. Pelajar juga diminta untuk menyelesaikan bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman **sebelum** melapor diri di Kolej Kediaman PBS. Pelajar yang tidak menjelaskan bayaran tidak dibenarkan mengambil kunci bilik Kolej Kediaman PBS. Bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman boleh dilaksanakan bermula **2 Januari 2025 sehingga 9 Januari 2025**.

5. Proses pendaftaran secara dalam talian perlu dilaksanakan selepas 24 jam bayaran Yuran Pengajian dijelaskan. Tempoh masa pendaftaran **bermula dari 3 Januari 2025** dan selewat-lewatnya **sebelum 12 Januari 2025** melalui Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TS. IBRAHIM BIN BURHAN)**

Pengarah


Politeknik Banting Selangor

## KAEDAH PEMBAYARAN


Bayaran boleh dibuat melalui saluran berikut:

### A. JomPAY (BAGI YURAN PENGAJIAN & YURAN KOLEJ KEDIAMAN SAHAJA)

1. Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau mobile banking



2. Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills*



3. Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut:

- i. Biller Kod Politeknik Banting = **629485**
- ii. *Reference 1*: Nombor kad pengenalan **PELAJAR** tanpa (-)  
**Contoh: 031229105384**
- iii. *Reference 2*: Nombor telefon **PELAJAR**.  
**Contoh: 0197524352**
- iv. Jumlah: **RM 630.00**

Biller code = **629485**

Reference 1 : Nombor kad pengenalan pelajar

Reference 2 : Nombor telefon pelajar

Amount : Jumlah bayaran